# KEMENTERIAN EKONOMI

## Dasar Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan

Adalah menjadi dasar Kementerian Ekonomi untuk secara berterusan meningkatkan prestasi keselamatan dan kesihatan dalam kalangan pegawai.

Pihak pengurusan dan pekerja akan sama-sama berusaha untuk mencegah sebarang potensi ketidakakuran perkhidmatannya serta sebarang kemungkinan kecederaan dan penyakit dari insiden yang berlaku di tempat kerja.

Kementerian Ekonomi komited untuk:

- Menyedia dan menyelenggara ruang fizikal dan sistem kerja yang kondusif, selamat serta sihat dari sebarang risiko;

- Memastikan bahawa semua warga Kementerian Ekonomi diberikan maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan berkenaan cara untuk menjalankan tugas dengan selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan di tempat kerja;

- Memantau semua ketidakpatuhan, insiden, penyakit pekerjaan, keracunan pekerjaan dan kejadian berbahaya dan mengambil langkah-langkah bagi memastikan kejadian tidak berulang di masa akan datang;

- Mematuhi kehendak perundangan mengenai keselamatan dan kesihatan setiap pegawai seperti yang ditetapkan di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994; dan

- Mempromosi dan mengutamakan aspek, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, prosedur kerja, peraturan dan garis panduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam kalangan warga Kementerian Ekonomi.

**(DATO' NOR AZMIE BIN DIRON)**

**KETUA SETIAUSAHA**